



Kenyataan Media

MUAT NAIK KANDUNGAN PALSU DAN JELIK MELAMPAU MELIBATKAN INSTITUSI KEHAKIMAN NEGARA: SEORANG INDIVIDU DISIASAT

CYBERJAYA, 18 Julai 2025 -- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sedang menjalankan siasatan terhadap seorang individu yang disyaki memuat naik kandungan berunsur palsu dan jelik melampau melalui akaun Instagram miliknya.

Berdasarkan aduan yang diterima, individu tersebut dipercayai telah memuat naik satu hantaran palsu berkaitan isu pelantikan Ketua Hakim Negara.

Bagi membantu siasatan, sesi rakaman percakapan telah dijalankan pada 2.30 petang tadi di Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya.

Turut disita, satu (1) unit telefon bimbit dan satu (1) unit kad sim.

Kes disiasat di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM500,000 atau penjara sehingga dua (2) tahun, atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

MCMC memandang serius terhadap penyebaran kandungan palsu dan jelik melampau yang menyentuh integriti institusi kehakiman negara.

Penyalahgunaan media sosial untuk tujuan sedemikian boleh menggugat kepercayaan awam dan ketenteraman negara.

Tindakan tegas akan diambil mengikut peruntukan undang-undang sedia ada.

LAMPIRAN GAMBAR



Sesi rakaman percakapan yang dijalankan oleh pasukan penguatkuasa MCMC di Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya hari ini.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: corporate.communications@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my

